

*Artikel*

**Literasi Politik Pengundi di Parlimen Port Dickson, Negeri Sembilan**  
(*Voters Political Literacy in Parliament Port Dickson, Negeri Sembilan*)

Siti Fatimah Ismail & Junaidi Awang Besar\*

Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutuan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)

Diserah: 20 September 2024

Diterima: 20 November 2024

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menilai literasi politik pengundi di Parlimen Port Dickson, Negeri Sembilan, terutamanya semasa Pilihan Raya Umum ke-15. Literasi politik merujuk kepada tahap kefahaman pengundi mengenai sistem politik, hak warganegara, dan proses membuat keputusan politik. Seramai 385 responden terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada pelbagai latar belakang demografi termasuk jantina, umur, dan etnik. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti soal selidik atau analisis statistik serta temu bual dalam mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif dalam penggunaan pendekatan metodologi. Dapatan menunjukkan media cetak masih menjadi sumber maklumat utama, manakala media sosial digunakan secara minimum. Majoriti pengundi menyatakan bahawa ideologi parti politik memainkan peranan penting dalam keputusan mengundi, dengan sebahagian besar mereka lebih cenderung memilih parti berbanding calon. Pengundi di kawasan ini juga menunjukkan sokongan yang kuat terhadap nilai-nilai seperti integriti, keadilan, dan tanggungjawab sosial. Kajian ini mendapati bahawa faktor pendidikan menjadi faktor prediktor yang kukuh dalam menentukan literasi politik di mana pengundi yang mempunyai pendidikan tinggi lebih dapat memahami struktur politik, proses pilihan raya serta kecenderungan dalam mengundi bagi melibatkan diri dalam politik. Faktor akses terhadap teknologi dan media yang juga dipengaruhi oleh faktor pendidikan dan pendapatan yang secara tidak langsung menjelaskan literasi politik pengundi. Walau bagaimanapun, penglibatan pengundi dalam parti politik masih rendah, walaupun terdapat minat yang tinggi terhadap ceramah politik. Kajian ini mencadangkan agar pendidikan politik dipertingkatkan untuk memperluas literasi politik, terutamanya di kalangan golongan muda. Kesimpulannya, literasi politik yang lebih mendalam mampu meningkatkan penyertaan politik yang lebih bermakna dalam proses demokrasi Malaysia.

**Kata kunci:** Literasi Politik; Media; Pilihan Raya ke-15; tingkah laku politik; demokrasi

**Abstract:** This study aims to assess the political literacy of voters in the Port Dickson Parliament, Negeri Sembilan, particularly during the 15th General Election. Political literacy refers to the level of understanding voters have about the political system, citizen rights, and decision-making processes. A total of 385 respondents from various demographic backgrounds participated in the survey. The method used in this study includes surveys or statistical analysis, as well as interviews, to obtain a more comprehensive understanding of the use of the methodological approach. The findings show that print media remains the primary source of information, while social media is minimally used. Most voters indicated that party ideology plays a significant role in voting decisions, with many prefer voting for the party rather than individual candidates. Voters in this area also strongly supported values such as integrity, justice, and social responsibility. This

study found that education is a strong predictor of political literacy, where voters with higher education are better able to understand the political structure, electoral processes, and voting tendencies, thus becoming more engaged in politics. The factor of access to technology and media is also influenced by education and income, which indirectly affects political literacy among voters. However, voter involvement in political parties remains low, despite a high interest in political talks. This study suggests enhancing political education to expand political literacy, particularly among younger generations. In conclusion, deeper political literacy can foster more meaningful political participation in Malaysia's democratic processes.

**Keywords:** Political Literacy, Media, 15<sup>th</sup> General Election, political behaviour, democracy

## Pengenalan

Literasi politik merujuk kepada keupayaan pengundi untuk memahami, menganalisis, dan mengambil bahagian dalam proses politik. Ia merangkumi pemahaman mengenai sistem politik, institusi, proses membuat keputusan, dan kepentingan isu politik. Pengetahuan pengundi tentang struktur dan fungsi kerajaan, hak dan tanggungjawab warganegara, serta konsep seperti demokrasi dan hak asasi manusia turut menyumbang kepada literasi politik (Denver & Hands, 1992). Secara tradisional, literasi politik diwariskan melalui ibu bapa, pendidik, dan komuniti. Namun begitu, kebangkitan teknologi maklumat yang pesat telah mempengaruhi cara pengundi mengakses maklumat, sering kali tanpa bimbingan yang sewajarnya (Idris, 2018).

Di Port Dickson, Negeri Sembilan, literasi politik dalam kalangan pengundi menghadirkan cabaran-cabaran tertentu, terutamanya ketika pilihan raya. Perubahan berterusan dalam landskap politik, yang dipengaruhi oleh aliran maklumat yang pesat dan pergeseran sosial, memberi kesan kepada tingkah laku pengundi (Ismail, 2014). Persekitaran politik selepas Pilihan Raya Umum Malaysia 2008, di mana Barisan Nasional (BN) mengalami kekalahan ketara, menandakan titik perubahan. Kebangkitan sumber media alternatif seperti media sosial turut mempengaruhi cara pengundi, terutamanya generasi muda, berinteraksi dengan kandungan politik dan membentuk keputusan mereka (Awang Besar et al., 2008). Kesannya selepas Pilihan Raya Umum ke-13 pada tahun 2013 sangat ketara, dengan Barisan Nasional kehilangan dominasi di kawasan bandar utama manakala parti-parti pembangkang mula mendapat tempat. Fenomena ini, yang dikenali sebagai "tsunami politik bandar," banyak dipacu oleh akses kepada media alternatif dan sokongan daripada pengundi profesional serta pengundi bandar Cina (Awang Besar et al., 2023).

Kawasan Parlimen Port Dickson memainkan peranan penting dalam landskap politik Malaysia. Pada tahun 2018, Anwar Ibrahim bertanding dan memenangi pilihan raya kecil di sini, menandakan kepulangannya ke arena politik negara. Kemenangan beliau di Port Dickson membuka laluan kepada pelantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 selepas Pilihan Raya Umum 2022 (Harakah Daily, 2018). Memandangkan kepentingan kawasan ini, memahami literasi politik dalam kalangan pengundi di Port Dickson adalah penting untuk menganalisis tren politik di peringkat nasional. Persekitaran politik di Port Dickson selepas PRU 2008 memperlihatkan perubahan yang ketara, terutamanya dari segi tingkah laku pengundi. Pertumbuhan akses kepada media alternatif telah mengubah cara pengundi di kawasan ini berinteraksi dengan maklumat politik. Pengundi di Port Dickson, terutamanya golongan muda dan profesional, semakin cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui saluran-saluran yang lebih pelbagai, termasuk media sosial, yang membolehkan mereka mendapat pandangan yang lebih luas mengenai isu-isu politik semasa.

Literasi politik adalah elemen penting dalam memastikan proses demokrasi yang sihat di Malaysia. Di Port Dickson, perubahan dalam tingkah laku pengundi dapat dikaitkan dengan peningkatan literasi politik, terutamanya dalam kalangan golongan muda dan profesional. Akses kepada pelbagai sumber maklumat, terutamanya media alternatif, telah memperkuuh keupayaan pengundi untuk membuat keputusan yang lebih berinformasi. Dalam konteks landskap politik Malaysia yang sentiasa berubah, memahami literasi politik pengundi di kawasan-kawasan penting seperti Port Dickson adalah kunci untuk menganalisis tren politik yang lebih luas di negara ini.

## Kajian Lepas

Kajian ini menggunakan tiga pendekatan dalam mengenal pasti tingkah laku pengundi iaitu pendekatan identifikasi parti, pilhan rasional dan sosiologikal berdasarkan kajian oleh Mayudin (2008). Menurut Campbell et al. (1960), konsep identifikasi parti didefinisikan sebagai hubungan pertalian dan kesetiaan yang jangka masanya berpanjangan terhadap sesebuah parti dan menyebabkan kepada pembentukan sikap dan tingkah laku politik dalam mengundi sesebuah parti khususnya dalam pilihan raya.

Menurut Downs (1957), pendekatan pilhan rasional khususnya berfokuskan kepada penilaian pengundi yang meliputi polisi parti, imej kepimpinan parti dan prestasi ekonomi semasa. Spekulasi pilhan rasional pengundi bertindak secara rasional berlaku semasa proses pembuatan keputusan untuk keluar mengundi dan menentukan pemilihan semasa mengundi.

Berdasarkan Roth (2008), pendekatan sosiologikal ditafsirkan sebagai suatu disiplin yang berkaitan khususnya hubungan sosial. Elemen sosiologi yang saling berkait rapat bersama tingkah laku pengundi adalah meliputi umur, jantina, agama, latar belakang persekitaran, sosio-ekonomi, pekerjaan, penempatan yang didiami berserta rutin aktiviti harian pengundi. Menurut Sudin et al. (2016) menyatakan bahawa sosiologi politik menjadi perantaraan yang efektif dalam menyeimbangkan perbezaan kehendak bagi peringkat pemerintah dan juga rakyat.

Literatur mengenai literasi politik dan tingkah laku pengundi telah meneroka pelbagai definisi dan kerangka kerja yang menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang dinamik pengundi. Seperti yang didefinisikan oleh Dağ dan Koçer (2019), literasi politik merujuk kepada pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan yang berinformasi dan terlibat dalam perbincangan kritikal tanpa prasangka. Begitu juga, Zaller (1992) menekankan keupayaan individu untuk memahami peristiwa dan konsep politik, menunjukkan bahawa literasi politik adalah penting dalam membentuk pemahaman pengundi terhadap persekitaran sosio-politik mereka.

Selain literasi politik, beberapa model teori telah digunakan untuk mengkaji tingkah laku pengundi. Teori Pengundian Spatial, yang diperkenalkan oleh Hotelling (1929) dan kemudian dikembangkan oleh Black (1958), meneroka bagaimana keutamaan pengundi dipengaruhi oleh faktor geografi dan demografi, dengan keputusan pilhan raya dibentuk oleh taburan spatial pengundi. Teori ini menekankan kepentingan elemen geografi dalam pilhan raya, satu konsep yang lebih lanjut dikaji oleh Fauzi (2008), yang menggabungkan Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk menganalisis corak pengundian di Malaysia. Kajian-kajian ini menggambarkan bahawa tingkah laku pengundi dipacu oleh ideologi politik serta faktor spatial dan regional yang membentuk keutamaan pengundi.

Model literasi media dalam politik atau *media literacy in political context* telah digunakan dalam kajian ini yang juga digunakan dalam kajian Hobbs (2010) dan Kahne et al (2017). Teori ini adalah mengenai keupayaan pembangunan teknologi dan penyebaran maklumat melalui medium media sosial menyebabkan kepada faktor kepentingan peranan komponen literasi media terhadap literasi politik.

Di samping itu, dalam kajian ini melibatkan model teori literasi politik yang digunakan oleh Delli Carpini et al. (1996) dan kemudian dikembangkan oleh Galston (2001), mengenai teori model pengetahuan, kemahiran dan sikap (*knowledge, skills and attitudes-KSA*) merupakan kerangka kerja yang paling utama serta seringkali digunakan dalam kajian literasi politik. Terdapat tiga komponen utama yang merangkumi model teori ini. Antaranya adalah pengetahuan atau *knowledge* yang meliputi pemahaman terhadap struktur dan fungsi sistem politik yang terkait institusi seperti parlimen, eksekutif dan kehakiman. Komponen kedua kemahiran atau *skills* yang didefinisikan sebagai kemampuan dalam pencarian, penganalisisan dan penilaian maklumat politik daripada pelbagai sumber. Komponen ketiga adalah sikap atau *attitudes* di mana perspektif dan perasaan individu terhadap sistem politik berserta motivasi penglibatan dalam proses politik.

Akhir sekali, kajian terdahulu mengenai pilhan raya di Malaysia dan negara lain memberikan konteks kepada landskap politik. Sebagai contoh, kajian Eldersveld (1951) mengenai pilhan raya di Britain menyoroti hubungan antara pendapat awam dan strategi parti, manakala Tufte (1973) mengkaji hubungan antara pengagihan kerusi dan tingkah laku Ghazali (2009) dan Mahadi et al. (2016) menyiasat bagaimana faktor etnik dan wilayah mempengaruhi keputusan pilhan raya. Kajian-kajian ini secara kolektif menyumbang kepada

pemahaman yang lebih luas tentang bagaimana literasi politik, faktor geografi, dan tren pilihan raya sejarah membentuk tingkah laku pengundi moden dan proses membuat keputusan.

Bullare, Hussin & Johnes (2022) menyatakan bahawa kajian berkenaan psikologi politik amat penting untuk diteroka dengan lebih meluas lagi bukan sahaja untuk meneliti berkenaan kaitannya dengan toleransi dan hubungan harmoni dalam sesebuah kumpulan etnik malah dalam konteks kajian politik yang lainnya seperti isu kemanusiaan, perlombagaan dan sebagainya. Melalui kajian ini, konsep psikologi politik telah berjaya dijelaskan dengan lebih terperinci dengan adanya penelitian berkenaan pendekatan atau teori personaliti dalam psikologi politik yang mencakupi pendekatan psikoanalitik, tret dan motif.

Azeh, Md Yunus & Yaacob (2023) menjelaskan bahawa parti-parti yang bertanding dan mengutamakan aspirasi belia akan lebih diutamakan oleh golongan belia untuk diundi. Sebaliknya, parti-parti yang gagal memenuhi aspirasi golongan belia akan ditolak oleh golongan belia. Kegagalan memenuhi aspirasi belia turut menjadi faktor kekalahan kerajaan Barisan Nasional yang memerintah Malaysia selama 60 tahun. Kesimpulan daripada dapatan kajian ini, golongan belia akan menolak parti yang tidak memberi manfaat kepada mereka dan mereka akan menyokong parti-parti dan pemimpin yang dipercayai akan memenuhi aspirasi mereka. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, wujud faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi pembabitan politik golongan belia, terutama sekali di kawasan pinggir bandar

Omar, Che Kasim & Manap (2024) menyatakan bahawa lebih 80% mempunyai pandangan positif (setuju dan sangat setuju) dengan keputusan kerajaan meluluskan dasar Undi-18 dan menganggap ia adalah keputusan yang tepat. Kesanggupan keluar mengundi responden pula amat tinggi iaitu sekitar 86.7-88.6%. Majoriti responden (68-97%) menunjukkan pola sikap politik yang mengidamkan ciri-ciri pemimpin dan parti politik yang berintegriti tinggi. Namun, majoriti sedar tidak semua calon dan parti politik adalah berintegriti tinggi dan akan membuat pilihan yang terbaik semasa memilih. Dapatkan juga menunjukkan majoriti pengundi kali pertama mempunyai sikap politik partisan dan cenderung untuk memberi undi kepada parti yang telah ditetapkan sejak awal. Penilaian terhadap integriti gabungan parti-parti politik pula menunjukkan gabungan PN dinilai paling berintegriti, diikuti PH, GTA dan BN.

## Metodologi dan Kawasan Kajian


Kajian ini membincangkan metodologi yang digunakan, termasuk pengumpulan data primer dan sekunder. Data primer dikumpulkan melalui soal selidik yang melibatkan 383 responden daripada pelbagai latar belakang etnik di Parlimen Port Dickson. Instrumen atau soal selidik yang digunakan adalah berdasarkan jadual kerja Krejcie dan Morgan (1970) dalam menentukan saiz sampel yang diperlukan di dalam kajian ini iaitu bagi populasi 100,000 dalam satu parlimen adalah sesuai dengan sampel seramai 385 orang yang ditambahkan daripada 5 DUN seramai 77 orang bagi setiap DUN yang terdapat di bawah Parlimen Port Dickson iaitu, Chuah (N.29), Lukut (N.30), Bagan Pinang (N.31), Linggi (N.32) dan Sri Tanjung (N.33).

Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu demografi responden, sumber maklumat politik atau isu semasa, tingkah laku dan literasi politik serta pengaruh literasi politik terhadap pilihan politik. Jenis soalan dalam soal selidik adalah terdiri daripada soalan pengetahuan objektif di mana soalan ini menguji pengetahuan responden mengenai maklumat asas politik, fungsi institusi kerajaan dan dasar awam terkini. Selain itu, soalan persepsi dan sikap serta soalan tingkah laku atau partisipasi politik. Aspek literasi yang diukur adalah seperti pengetahuan pengetahuan politik, kepercayaan dan sikap politik serta partisipasi politik. Skala pengukuran yang digunakan adalah melibatkan skala likert iaitu soalan yang mengukur sikap atau persepsi secara berperingkat seperti daripada 1 (setuju) hingga 3 (tidak pasti). Skala Ordinal atau Nominal juga digunakan bagi soalan yang berkaitan profil responden seperti tahap pendidikan atau pendapatan. Di samping itu, skala pengetahuan benar atau salah menjadi pengukuran bagi soalan yang berbentuk ujian pengetahuan objektif. Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah secara rawak berstrata. Melalui pendekatan ini, populasi pengundi di Parlimen Port Dickson dibahagikan kepada beberapa strata berdasarkan latar belakang etnik. Responden yang dipilih secara rawak daripada setiap strata dapat memastikan representasi yang seimbang bagi setiap kumpulan etnik dalam kajian (Neuman 2014).

Proses pengumpulan data yang dilakukan dengan pengumpulan dan penyeliaan data, pemasukkan data ke dalam SPSS, analisis statistik deskriptif, ujian kesahan dan kebolehpercayaan, analisis referensi serta

interpretasi dan pelaporan hasil. Sementara data sekunder diperoleh daripada pelbagai sumber seperti buku, laporan kerajaan, dan laman web rasmi. Teknik seperti temu bual dan pemerhatian lapangan digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai sikap politik pengundi di kawasan tersebut (Patton, 1980; Fraenkel & Wallen, 1996). Bagi soalan temu bual pula, melibatkan 10 orang daripada setiap lima DUN yang terdapat di bawah parlimen Port Dickson. Kaedah pemerhatian di lapangan juga turut digunakan dalam kajian ini.

Dari segi analisis data, kajian ini menggunakan perisian SPSS untuk memproses data primer. Hasil analisis dibentangkan dalam bentuk jadual, graf, dan carta untuk memudahkan kefahaman pembaca. Kajian ini juga menjalankan kajian rintis untuk menguji kebolehpercayaan instrumen yang digunakan, seperti soal selidik dan temu bual, dengan menggunakan skala Alpha Cronbach untuk menilai kebolehpercayaan data (Sekaran & Bougie, 2011). Kajian ini dijalankan untuk memahami pelbagai faktor yang mempengaruhi keputusan politik responden, dengan fokus kepada aspek demografi, sosioekonomi, dan sikap terhadap politik dan media. Dengan melibatkan 385 responden daripada pelbagai latar belakang, kajian ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai profil demografi seperti jantina, umur, etnik, pendidikan, pekerjaan, dan pendapatan. Selain itu, ia turut meneliti persepsi responden terhadap politik, media, serta isu-isu sejagat seperti keadilan dan integriti.



Rajah 1. Peta kedudukan kawasan Parlimen Port Dickson, Negeri Sembilan  
Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta Parlimen Port Dickson, JUPEM (2024)

Kajian ini memfokuskan kepada kawasan kajian di Negeri Sembilan, khususnya Parlimen Port Dickson (Lihat Rajah 1). Negeri Sembilan terkenal dengan sejarahnya yang panjang, termasuk hubungan rapat dengan masyarakat Minangkabau dan pengamalan Adat Perpatih. Selain itu, daerah ini memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi Malaysia melalui projek seperti 'Malaysia Vision Valley 2.0', serta pembangunan pelabuhan dan infrastruktur yang pesat di Port Dickson. Penduduk di Negeri Sembilan adalah pelbagai kaum dengan majoriti Melayu, diikuti oleh kaum Cina dan India (Idris, 1974).

## Hasil Kajian

### 1. Latar Belakang Sosioekonomi dan Geografi

Berdasarkan analisis data ini, terdapat beberapa aspek penting mengenai responden yang dikaji. Kajian ini melibatkan 385 responden dengan pelbagai latar belakang demografi seperti jantina, umur, status perkahwinan, etnik, agama, pendidikan, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan, dan kawasan tempat tinggal. Sebahagian besar responden adalah lelaki (72.5%) dan majoritinya berumur antara 21-29 tahun (37.7%). Dari segi etnik, 51.4% responden adalah Melayu, diikuti oleh Cina (38.2%) dan India (10.4%). Sebahagian besar responden adalah beragama Islam (51.2%), dengan selebihnya menganut agama Buddha dan Hindu.

Jadual 1. Latar belakang sosial responden (Peratus)

Latar belakang sosial responden	Peratus (%)
<b>Jantina</b>	
Lelaki	72.5 %
Perempuan	27.5 %
<b>Status Perkahwinan</b>	
Bujang	49.4 %
Berkahwin	50.1 %
Janda	0.3 %
Duda	0.3 %
<b>Umur</b>	
18-20	-
21-29	37.7 %
30-39	33.0 %
40-49	23.4 %
50-59	6.0 %
60-69	-
70-79	-
80-89	-
90 dan ke atas	-
<b>Bangsa</b>	
Melayu	51.4 %
Cina	38.2 %
India	10.4 %
Lain-lain	-
<b>Agama</b>	
Islam	51.2 %
Buddha	38.4 %
Hindu	10.4 %
Kristian	-
Tiada agama	-

Dalam analisis pendidikan, majoriti responden (53.5%) mempunyai kelulusan Sijil/Diploma, manakala 39.2% memiliki Ijazah Sarjana Muda. Hanya sebilangan kecil responden (0.8%) mempunyai Ijazah Sarjana. Sektor pekerjaan yang paling dominan adalah pekerja sendiri atau bermiaga (33%), diikuti oleh pekerja kilang (27.3%) dan sektor kerajaan (23.9%). Kebanyakan responden berpendapatan kurang daripada RM 2500 sebulan (66.2%), manakala selebihnya berpendapatan antara RM 2501 hingga RM 4850. Dari segi kawasan tempat tinggal, 60% responden tinggal di kawasan luar bandar, manakala 40% tinggal di kawasan bandar (Lihat Jadual 2).

Jadual 2. Latar belakang ekonomi dan geografi responden (Peratus)

Latar belakang ekonomi dan geografi responden	Peratus (%)
<b>Tahap Pendidikan Tertinggi</b>	
Tidak Bersekolah	-
Sekolah Rendah	-
Sekolah Menengah	6.5 %
Sijil/Diploma	53.5 %
Ijazah Sarjana Muda	39.2 %
Ijazah Sarjana	0.8 %
Ijazah Doktor Falsafah	-
<b>Pekerjaan</b>	
Kakitangan Kerajaan	23.9 %
Kakitangan Swasta	13.8 %
Kilang	27.3 %
Sendiri/Bermiaga	33.0 %
Perkhidmatan Makanan/Barangan	-
Buruh	-
Petani	-
Nelayan	-
Pesara	-
Belajar	-
Suri Rumah	2.1 %
Tidak Bekerja	-
-	-
<b>Pendapatan Isi Rumah</b>	
< RM 2,500	66.2 %
RM 2,501 – RM 4,850	33.8 %
RM 4,851 – RM 7,100	-
RM 7,101 dan RM 10,970	-
RM 10,971 – RM 15,040	-
> RM 15,041	-
<b>Lokasi</b>	
Bandar	40.0 %
Luar Bandar	60.0 %
<b>DUN</b>	
Lingga	20.0 %
Bagan Pinang	20.0 %
Sri Tanjung	20.0 %
Lukut	20.0 %
Chuah	20.0 %

Sumber: Kajian lapangan (2024)

## 2. Sikap dan Persepsi terhadap Media

Terdapat dapatan menarik mengenai sikap dan persepsi responden terhadap media. Media cetak kekal menjadi pilihan utama dengan 63.9% responden menggunakanannya, sementara media dalam talian hanya digunakan oleh 18.4% daripada mereka. Namun begitu, terdapat peningkatan yang ketara dalam penggunaan media

sosial, di mana platform seperti Facebook (29.09%) dan TikTok (18.59%) semakin popular dalam kalangan pengundi muda. Ini menunjukkan peralihan dari media tradisional kepada media digital, terutamanya dalam kalangan generasi muda, walaupun media cetak masih dominan.

Dalam aspek keterlibatan politik, hanya 1.3% responden terlibat secara langsung sebagai ahli parti politik. Namun, minat untuk mendengar ceramah politik adalah tinggi, dengan 94% responden menunjukkan minat tersebut. Sebanyak 51.4% responden menyatakan sokongan terhadap Pakatan Harapan (PH), manakala 42.6% menyokong Perikatan Nasional (PN). Sebanyak 42.6% responden memilih untuk mengundi kerana tanggungjawab sebagai pengundi, manakala 29.4% memilih atas dasar agama, bangsa, dan negara. Analisis ini memperlihatkan bahawa Pakatan Harapan menjadi pilihan majoriti pengundi dalam kalangan responden dan diikuti oleh Perikatan Nasional bagi kawasan Parlimen Port Dickson (P.132). Hal ini berkemungkinan menggambarkan sentimen politik di kawasan kajian menjurus ke arah Pakatan Harapan yang dilihat sebagai pilihan yang lebih dominan.

Hal mengenai pilihan media dapat dibuktikan berdasarkan kajian Sani dan Zengeni (2010) dimana rangkaian penyebaran dan pengedaran surat khabar arus perdana di Malaysia seperti Utusan Malaysia, Berita Harian dan *The Star* menjadi sumber maklumat politik utama sejak dari dulu lagi. Kajian tersebut memperlihatkan kecenderungan pengundi yang mempercayai media cetak yang sudah sekian lama wujud serta dilihat sebagai institusi yang tinggi kewibawaannya. Media cetak juga berbeza dengan media digital yang kelihatan tidak teratur dan dipenuhi bersama maklumat yang tidak dapat disaihikan. Perkara mengenai mendengar ceramah politik menjadi pilihan utama dan tertinggi dapat dibuktikan melalui kajian Sani (2014) di mana ceramah merupakan acara sosial yang dapat mengumpulkan penduduk setempat untuk turut bersama ahli politik, berdiskusi dan mengeratkan ukhwah sesama jiran tetangga. Situasi ini membentuk kecenderungan kepada pengukuhan semangat kolektif dalam kalangan pengundi dan menerbitkan perasaan keterlibatan secara langsung dalam proses politik.

Faktor ideologi parti politik adalah yang paling mempengaruhi undian responden, dengan 57.4% menyatakan sebagai faktor utama. Sebilangan besar responden (65.2%) memilih parti berbanding calon semasa pilihan raya. Dari segi teori tingkah laku mengundi, 46.8% responden bersetuju bahawa model sosiologi paling sesuai dalam menggambarkan tingkah laku mereka semasa mengundi. Majoriti responden juga lebih memilih parti politik yang merentasi kaum dan agama (51.9%). Majoriti yang memilih parti berbanding calon ini dapat dibuktikan melalui kajian Weiss (2019) yang berpandangan bahawa media di Malaysia sering menampilkan liputan mengenai parti politik berbanding individu yang menjadi calon. Hal ini berkemungkinan mengakibatkan pengundi lebih terdedah kepada kempen dan manifesto parti.

Hasil kajian dapatan majoriti memilih parti politik merentasi kaum dan agama dibuktikan oleh kajian Pepinsky (2018) yang menyatakan bahawa faktor utama peralihan pengundi di Malaysia disebabkan faktor sentimen politik yang menolak korupsi serta sistem politik lama yang seringkali dikaitkan bersama politik etnik. Perkara ini berkemungkinan jelas khususnya bagi pengundi yang kedudukannya dalam kelas menengah yang semakin menolak politik berkekalkan *status quo ethno-religious* kerana dianggap tidak berupaya membawa kepada apa-apa perubahan dalam tadbir urus serta ekonomi negara. Faktor ini cenderung kepada memilih parti politik yang menyatakan agenda perubahan politik dibandingkan dengan sentimen agama atau bangsa bagi Parlimen Port Dickson (P.132).

### 3. Persepsi Terhadap Isu dan Literasi Politik

Kajian ini juga menunjukkan kecenderungan responden untuk menilai isu-isu sejagat seperti ketelusan, keadilan, dan kesaksamaan sebagai faktor penting dalam politik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa minat politik dalam kalangan pengundi adalah sederhana, di mana 58.7% responden melaporkan tidak berminat dengan politik. Walau bagaimanapun, sebahagian besar responden (94.03%) melaporkan bahawa mereka sentiasa menilai semula maklumat yang diterima, menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap keperluan untuk menyemak kredibiliti maklumat politik.

Dari segi penglibatan politik, hanya 34.55% responden menghadiri kempen politik, tetapi 89.84% menyatakan bahawa kempen tersebut mempengaruhi pilihan politik mereka. Ini menunjukkan bahawa

kempen politik tetap memainkan peranan penting dalam membentuk keputusan pengundi, walaupun tanpa kehadiran fizikal yang tinggi.

Faktor utama yang mempengaruhi pilihan politik pengundi ialah manifesto parti politik (55.73%) dan kepimpinan parti (30.21%). Pengundi cenderung membuat keputusan berdasarkan dasar dan janji politik yang dibawa oleh parti, serta kredibiliti pemimpin yang bertanding. Kesimpulannya, tingkah laku politik pengundi di Port Dickson dipengaruhi oleh literasi politik yang sederhana, dengan pengundi menunjukkan kecenderungan untuk memilih berdasarkan isu-isu semasa, manifesto parti, dan kepimpinan calon. Sebanyak 99.7% responden menyokong tanggungjawab sebagai pengundi, manakala 98.7% percaya bahawa integrity. Kesedaran responden menyokong tanggungjawab sebagai pengundi ini disokong oleh kajian Merdeka Centre (2013) di mana kajian tersebut mendapati bahawa kebanyakan rakyat Malaysia mempunyai anggapan bahawa mengundi adalah tanggungjawab yang penting dalam memastikan pemimpin yang menjadi pilihan adalah mewakili kehendak rakyat. Kajian tersebut menyatakan bahawa 89% responden menganggap mengundi itu merupakan suatu kewajipan yang penting dalam melaksanakan hak mereka sebagai warganegara. Kajian ini juga menampilkkan kesedaran politik dan pendidikan berperanan dalam memupuk kesedaran terhadap tanggungjawab mengundi.

Hasil dapatan bagi kepentingan integriti dalam politik disokong oleh kajian Welsh (2018) yang dapat mengenal pasti peralihan signifikan bagi pola pengundian dalam Pilihan raya Umum ke-14 di mana isu integriti dan kepercayaan terhadap calon parti menjadi faktor penting dalam menentukan pengundian. Faktor kemenangan Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14 adalah berdasarkan kemenangan yang memfokuskan integriti, reformasi institusi serta ketelusan. Penilaian pengundi khususnya kawasan bandar dalam kajian ini mengutamakan integriti calon dan parti politik kerana kepercayaan terhadap kepimpinan yang berintegriti memainkan peranan yang penting dalam membentuk pentadbiran yang bebas rasuah dan berakauntabiliti.

Perkaitan literasi politik dan keputusan pengundi di kawasan Port Dickson dapat digambarkan bagaimana pemahaman dan pengetahuan politik pengundi mempengaruhi pemilihan dalam pilihan raya khususnya dalam beberapa konteks isu-isu tempatan dan nasional yang relevan dengan komuniti tempatan. Antaranya adalah kesedaran politik dapat membina keupayaan membuat keputusan pengundian yang tepat. Berdasarkan kajian Delli Carpini dan Keeter (1996) menyatakan bahawa literasi politik mempunyai perkaitan yang rapat dengan keupayaan pengundi dalam memahami isu-isu yang rumit dengan membantu pembuatan keputusan berdasarkan maklumat. Pengundi di kawasan Port Dickson yang berpengetahuan mengenai politik lebih memahami bagaimana sesbuah dasar seperti dasar pekerjaan atau projek pembangunan akan mendatangkan impak kepada komuniti pengundi dan ini mempengaruhi keputusan pengundi di peti undi.

*“Pakatan Harapan kerana parti ini berjaya menangani isu-isu tempatan seperti pembangunan ekonomi, infrastruktur, pendidikan dan perkhidmatan awam bagi peringkat Negeri Sembilan.”*

(Informan 7, DUN Bagan Pinang N.31, 7 Ogos 2024)

Selain itu, perkaitan lain juga timbul seperti wujudnya terhadap janji-janji calon dan parti. Pengundi yang memiliki tahap literasi yang tinggi kebiasaannya dapat menilai keaslian janji-janji politik secara lebih kritikal. Lebih-lebih lagi apabila melibatkan isu-isu yang berkaitan ketelusan, integriti dan prestasi calon dalam tempoh yang sebelumnya. Pengundi dengan literasi politik yang baik akan lebih mudah memahami dan menilai janji-janji calon terutamanya berkaitan pembangunan dan perkhidmatan bagi kawasan tersebut.

*“Ya saya dapat menerima pembentukan Kerajaan Perpaduan ini kerana saya melihat kerajaan ini mempunyai matlamat yang jelas disamping telah banyak kejayaan yang dicapai oleh Dato Seri Anwar Ibrahim bagi memberikan kepuasan yang terbaik untuk rakyat.”*

(Informan 21, DUN Linggi N.32, 8 Ogos 2024)

Di samping itu, pengaruh media dan maklumat politik memainkan peranan dalam konsep literasi politik terutamanya di kawasan Port Dickson dimana pengundi dapat menerima dan menganalisis maklumat daripada media. Lebih-lebih lagi melibatkan media sosial yang teguh peranannya dalam mempengaruhi pandangan politik. Perkara ini dapat dilihat dalam dapatan temu bual kajian ini.

*“Media alternatif atau sosial kerana itu menjadi medium yang paling banyak penggunaan dalam generasi kini.”*

(Informan 19, DUN Lukut N.30, 9 Ogos 2024)

Hubungan antara literasi politik dan penyertaan dalam kempen pilian raya mendorong kepada keterlibatan secara aktif terutamanya melibatkan aktiviti politik yang pada akhirnya menjadi pengaruh kepada keputusan pengundian. Pengundi yang faham akan hak dan tanggungjawab politik akan lebih cenderung untuk menghadirkan diri ke perhimpunan, forum serta mendengar ucapan calon bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas. Literasi politik saling berkait rapat dengan keterlibatan pengundi dalam aktiviti politik terutamanya di kawasan Port Dickson yang melibatkan pendedahan maklumat politik secara aktif akan membuatkan pengundi dapat membuat penilaian dalam membuat keputusan pengundian.

*“Berminat kerana politik adalah kepentingan yang perlu dicapai bersama.”*

(Informan 42, DUN Sri Tanjung N.33, 10 Ogos 2024)

*“Kempen yang dijalankan kerana pengundi perlu mengetahui aspirasi calon dan kebolehan untuk memimpin negara. “*

(Informan 16, DUN Lukut N.30, 9 Ogos 2024)

## Perbincangan

Kajian ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan dan pendapatan responden memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan politik mereka. Responden yang berpendidikan tinggi lebih cenderung untuk mengundi berdasarkan ideologi parti dan melakukan pertimbangan rasional (Lee & Siti, 2020). Namun, Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi, berpendapat bahawa golongan berpendidikan tinggi sering kali gagal memahami sosiobudaya dan denyut nadi masyarakat, manakala golongan berpendidikan rendah lebih mampu menguruskan politik dengan baik (Sinar Harian, 2024). Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa pendapatan bulanan mempengaruhi kecenderungan politik; responden berpendapatan rendah cenderung menyokong Perikatan Nasional, manakala responden berpendapatan tinggi cenderung menyokong Pakatan Harapan, berkemungkinan kerana dasar-dasar ekonomi yang dibawa oleh kedua-dua parti (Milner, 2010; Norris & Inglehart, 2019). Secara keseluruhannya, responden menunjukkan sokongan yang kuat terhadap nilai sejagat seperti keadilan dan integriti, dengan ideologi parti politik menjadi faktor utama dalam menentukan undi mereka (Case & Deaton, 2020).

Tahap literasi politik memainkan peranan penting dalam kemampuan pengundi untuk menilai maklumat politik secara kritikal, terutama di era media sosial di mana maklumat palsu dan berat sebelah semakin berleluasa. Literasi politik membantu pengundi mengenal pasti sumber yang boleh dipercayai, membezakan antara maklumat yang sah dan yang berniat menyesatkan, serta mengurangkan kecenderungan mereka untuk berkongsi maklumat yang belum disahkan. Pengundi yang lebih celik politik cenderung mempunyai kebolehan menilai konteks dan kepentingan maklumat sebelum membuat keputusan mengundi, sesuatu yang penting dalam masyarakat yang terdedah kepada berita sensasi yang sering kali berbaur politik.

Antara hasil dapatan dari kajian terkini menunjukkan bahawa latihan literasi media meningkatkan kesedaran individu tentang berita palsu dan bias media. Contohnya, kajian oleh RAND Corporation menunjukkan bahawa pendidikan literasi media meningkatkan pemikiran kritikal dan kesedaran tentang bias dalam berita, sekali gus membantu individu menilai kesahihan maklumat sebelum menyebarkannya atau membuat keputusan politik berdasarkan maklumat tersebut. Ini membuktikan bahawa pelaburan dalam pendidikan literasi politik adalah efektif untuk mengatasi penyebaran maklumat palsu, bahkan dalam tempoh jangka panjang, kerana ia memperkuuh keupayaan pengundi untuk membezakan antara berita palsu dan yang sebenar (Lord & Vogt, 2021).

Lebih menarik, kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa media sosial merupakan saluran utama maklumat bagi remaja dan dewasa yang sering kali tidak mengesahkan maklumat yang mereka baca. Program literasi media yang disasarkan kepada kumpulan ini telah menunjukkan peningkatan keupayaan mereka dalam mengenal pasti berita palsu dan kandungan beremosi

yang mungkin menyesatkan, membuktikan keberkesanannya pendekatan ini dalam membantu pengundi membuat keputusan yang lebih berinformasi dan bebas daripada pengaruh emosi atau bias politik (Gaultney et al., 2022).

Hubungan antara faktor sosioekonomi, khususnya pendidikan dan pendapatan, dengan keputusan politik seseorang individu sangat signifikan dalam kajian sains politik. Pendidikan mempunyai kaitan langsung dengan keterbukaan terhadap pandangan politik yang berbeza. Individu yang berpendidikan cenderung mempunyai pemahaman lebih mendalam terhadap konsep politik, dan kemahiran analitis yang lebih baik memungkinkan mereka menilai pandangan politik yang berbeza tanpa terpengaruh secara emosional. Hal ini disebabkan pendidikan meningkatkan pemahaman mereka tentang isu-isu politik dan perbezaan pandangan, sekaligus menggalakkan kesediaan untuk menerima kepelbagaiannya pandangan dalam kalangan masyarakat.

Pendapatan pula mempengaruhi akses pengundi kepada pelbagai sumber maklumat, yang turut mempengaruhi keputusan politik. Individu berpendapatan tinggi biasanya lebih mampu untuk mendapatkan akses kepada sumber maklumat yang berkualiti seperti langganan media digital atau program pendidikan politik, yang membantu mereka membuat keputusan berinformasi. Sebaliknya, individu dengan pendapatan rendah berkemungkinan terhad kepada sumber maklumat yang kurang terjamin kualitinya, seperti media sosial atau berita sensasi. Kajian menunjukkan bahawa perbezaan akses kepada maklumat ini menyebabkan pengundi daripada golongan berpendapatan rendah lebih cenderung dipengaruhi oleh maklumat yang tidak sah atau bias. Pendidikan dan pendapatan bukan sahaja mempengaruhi kecenderungan politik tetapi juga membentuk tahap keterbukaan dan kemampuan individu dalam membuat keputusan politik yang kritikal dan berdasarkan fakta. Justeru, tahap literasi politik yang tinggi adalah faktor penting dalam memastikan pengundi dapat menilai maklumat dengan kritis, sekaligus membuat pilihan yang lebih baik dalam persekitaran politik yang semakin rumit dan sering terdedah kepada maklumat tidak sah di media sosial.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa kawasan tempat tinggal dan sokongan politik responden memainkan peranan yang penting dalam membuat keputusan politik mereka. Responden yang menetap di kawasan luar bandar cenderung untuk menyokong Perikatan Nasional atau Barisan Nasional kerana faktor isu-isu tempatan yang berkaitan dengan kebijakan dan pembangunan ekonomi kawasan (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2014). Manakala, responden yang menetap di kawasan bandar cenderung untuk menyokong Pakatan Harapan kerana keinklusifan dasar dan progresif kerana keseimbangan dasar-dasar kepada semua bangsa berbanding dasar parti Barisan Nasional yang berorientasikan kaum melayu (Lee Hwok Aun, 2019). Kajian ini mengenal pasti hubungan nilai sejagat dan pengaruhnya terhadap sokongan parti politik. Responden dalam kajian ini yang menghargai nilai sejagat seperti keadilan dan ketelusan berkemungkinan cenderung untuk menyokong Pakatan Harapan. Hal ini adalah berkemungkinan kerana parti politik ini dapat menyeimbangkan antara nilai sejagat dan keperluan agama serta bangsa dianggap berkemampuan mendapatkan sokongan daripada segmen pengundi yang lebih meluas (Hwang, 2003).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberikan gambaran yang jelas mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan politik responden. Responden menunjukkan sokongan yang kuat terhadap nilai sejagat seperti keadilan dan integriti, selain menekankan pentingnya tanggungjawab sosial dan ideologi parti politik dalam membentuk keputusan undi mereka.

## Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan dan pendapatan responden memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kecenderungan politik mereka. Individu yang berpendidikan tinggi cenderung mengundi berdasarkan ideologi parti dan membuat keputusan melalui pertimbangan rasional, sementara mereka yang berpendidikan rendah dikatakan lebih memahami sosiobudaya masyarakat dan terlibat lebih langsung dalam politik. Namun, pandangan Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi, menunjukkan perspektif berbeza, di mana beliau menyatakan bahawa golongan berpendidikan tinggi mungkin kurang memahami denyut nadi masyarakat. Ini membuka perdebatan mengenai peranan pendidikan dalam politik, serta bagaimana tahap pendidikan mempengaruhi peranan mereka dalam proses demokrasi.

Selain pendidikan, pendapatan bulanan juga terbukti mempengaruhi sokongan politik. Responden berpendapatan rendah lebih cenderung menyokong Perikatan Nasional, manakala mereka yang berpendapatan

tinggi memilih Pakatan Harapan, yang mungkin disebabkan oleh dasar-dasar ekonomi yang lebih bersesuaian dengan kepentingan kelas pendapatan masing-masing. Isu sosioekonomi seperti pembangunan luar bandar dan dasar kesejahteraan di kawasan bandar turut mempengaruhi keputusan politik, di mana responden di kawasan luar bandar cenderung menyokong Perikatan Nasional atau Barisan Nasional, manakala penduduk bandar lebih cenderung kepada Pakatan Harapan yang menawarkan dasar yang lebih progresif dan inklusif.

Untuk menjalankan pendidikan politik yang berkesan di kalangan belia, pihak kerajaan dan NGO boleh mengembangkan program yang menyertakan penggunaan teknologi seperti aplikasi mudah alih, media sosial, dan video interaktif untuk menyampaikan maklumat politik yang tepat. Program seperti latihan literasi media dan debat politik boleh memberi ruang kepada belia untuk memahami isu-isu politik secara mendalam. Selain itu, menyediakan platform di mana belia dapat mengakses maklumat yang sah, seperti forum awam dan ceramah dari pakar politik, akan meningkatkan pemahaman mereka terhadap politik.

Di Port Dickson dan Malaysia secara amnya, literasi politik yang lebih tinggi dapat mengubah landskap politik dengan memperkasakan pengundi untuk membuat keputusan yang lebih berinformasi dan objektif, serta mengurangkan kesan manipulasi oleh berita palsu atau bias politik. Rendahnya penglibatan politik di kalangan pengundi berlaku disebabkan oleh kekurangan pemahaman terhadap isu-isu politik atau kurangnya kepercayaan terhadap sistem politik. Untuk menangani isu ini, pendidikan politik yang lebih inklusif dan mudah diakses adalah penting. Pihak kerajaan dan NGO boleh memperkenalkan program yang menggunakan platform digital seperti media sosial, webinar, dan aplikasi mudah alih untuk menyampaikan maklumat politik yang tepat. Selain itu, pendekatan komunikasi yang melibatkan pengundi secara langsung dalam perbincangan politik, seperti forum dan bengkel, boleh meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penglibatan aktif.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa literasi politik pengundi di Port Dickson dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk media, ideologi parti politik, dan nilai sejagat seperti keadilan dan tanggungjawab sosial. Keputusan pengundi banyak dipengaruhi oleh ideologi politik dan bukannya calon individu. Penglibatan politik langsung di kalangan pengundi masih rendah, menunjukkan perlunya peningkatan dalam pendidikan politik dan kesedaran masyarakat tentang peranan penting mereka dalam proses demokrasi. Dengan memperbaiki akses kepada maklumat yang lebih tepat dan meningkatkan pendidikan politik, adalah diharapkan literasi politik pengundi akan terus meningkat dan seterusnya memperkaya proses demokrasi di Malaysia.

**Penghargaan:** Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

## Rujukan

- Awang Besar, J., Lyndon, N., Othman, Z. & Abdul Halim, A. H. (2023). Identiti sosial dan tingkah laku pengundi dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Kedah 2023. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 8(34) (December 2023), 65-81.
- Awang Besar, J., Mat Jali, M. F. & Ali, M. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Pola dan Impak. 3rd USM-International Conference on Social Sciences (ICOSS) 2019. Bayview Beach Resort, Batu Feringgi, Penang, Malaysia. 21-23 Ogos 2019.
- Awang Besar, J., Mat Jali, M. F., Ibrahim, Y., Sidek, A. H., Amir, J., Rosmadi Fauzi, R. & Lyndon, N. (2008). Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, (9), 191-214.
- Azeh, A., Md Yunus, M. & Yaakob, M. T. (2023). Hubungan Aspirasi Belia Melayu Terhadap Penglibatan Belia dalam Politik di Kawasan Pinggir Bandar Terengganu. *e-Bangi*, 20(1), 123-137.
- Black, D. (1958). *The Theory of Committees and Elections*. Cambridge University Press.
- Bullare, M. I., Hussin, R. & Johnes, J. (2022). Psikologi Politik: Konsep Umum dan Penerokaan Terhadap Toleransi Serta Keharmonian Etnik di Sabah, Malaysia. *e-Bangi*, 19(6), 154-166.

- Campbell, Convers & Miller. (1960). *The American voter*. The University of Chicago Press.
- Case, A., & Deaton, A. (2020). *Deaths of Despair and the Future of Capitalism*. Princeton University Press.
- Cochran, W. G. (1977). *Sampling techniques (3rd ed.)*. John Wiley & Sons.
- D. T. Denver & Gordon Hands. (1992). *Issues and Controversies in British Electoral Behaviour*. London: Pearson Higher Education.
- Dağ, N. ve Koçer, M. (2019). Politics In Turkiye Literacy: Türkiye'de Politik Okuryazarlık. *OPUS International Journal of Social Research*, 13(19), 2150-2175.
- Delli Carpini, M. X., & Keeter, S. (1996). *What Americans Know about Politics and Why It Matters*. Yale University Press.
- Downs, A. (1957). *An Economy Theory Of Democracy*. University Of Michigan. Harper.
- Eldersveld, S. J. (1951). British Polls and the 1950 General Election. *Public Opinion Quarterly*, Volume 15, Issue 1, Spring 1951, 115–132.
- Fauzi, R. (2008). Aplikasi Model Ruangan Dalam Kajian Corak Pengundian Di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
- Fraenkel, J.R., & Wallen, N.E. (1996). *How to design and evaluate research in education (3rd Ed.)*. McGraw-Hill.
- Galston, W. A. (2001). Political Knowledge, Political Engagement, and Civic Education. *Annual Review of Political Science*, 4, 217-234.
- Gaultney. (2022). Political polarization, misinformation, and media literacy. *Journal of Media Literacy Education*, 14(1), 59-81, 2022.
- Ghazali, A. S. (2009). *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Harakah Daily. (2018). PRK Port Dickson ‘ibu segala PRK’ September 29, 2018. <https://harakahdaily.net/index.php/2018/09/29/prk-port-dickson-ibu-segala-prk/>
- Hobbs, R. (2010). *Digital and media literacy: A plan of action*. The Aspen Institute.
- Hotelling, H. (1929). Stability in competition. *The Economic Journal*, 39(153)(March), 41-57.
- Hwang, I. W. (2003). *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Idris, A. S. (1974). *Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih*, Seremban.
- Kahne, J., & Bowyer, B. (2017). Educating for Democracy in a Partisan Age: Confronting the Challenges of Motivated Reasoning and Misinformation. *American Educational Research Journal*, 54(1), 3-34.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lee Hwok Aun. (2019). Race, class and inequality in Malaysia under Pakatan Harapan. *ISEAS Yusof Ishak Institute Perspective*, 2019(10), 1-10.
- Lee, H. C., & Siti, H. M. (2020). Political ideologies and voting behavior in Malaysia: The role of education and economic status. *Journal of Southeast Asian Studies*, 51(2), 287-309.
- Mahadi, A., Mat Jali, M. F. & Awang Besar, J. (2016). Tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan Barisan Nasional: Kajian kes FELDA Kuala Krau. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 12(9), 126-137.
- Mayudin, G. (2008). Politik Malaysia. Perspektif teori dan praktik. Penerbit UKM.
- Merdeka Center. (2013). *Malaysia Voter Opinion Survey: National Issues and Political Developments*. Merdeka Center for Opinion Research.
- Milner, H. (2010). *The Internet Generation: Engaged Citizens or Political Dropouts?* Oxford University Press.
- Mohd Sani, M. A.. (2014). Media, democracy, and political participation: The case of Malaysia. *Journal of Asian Public Policy*, 7(1), 71-85.
- Neuman, W. L. (2014). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Pearson Education Limited.
- Norris, P., & Inglehart, R. (2019). *Cultural Backlash: Trump, Brexit, and authoritarian 1239 populism*. Cambridge University Press.

- Omar, N. H., Che Kasim, A & Manap, J. (2024). Pola Sikap dan Sokongan Pengundi Muda (Undi-18) Terhadap Integriti Calon dan Parti Dalam Pilihanraya Umum 15 (PRU15). *e-Bangi*, 21(3), 518-532.
- Patton, M. (1980). *Qualitative evaluation methods*. Sage Publications
- Pepinsky, T. (2018). The 2018 Malaysian election: The end of ethno-nationalism? *Journal of Democracy*, 29(4), 121-135
- Roth, A. E. (2008). "What Have We Learned from Market Design?" *Economic Journal: Royal Economic Society*, 118(527), 285-310.
- Sani, M. A. M. (2014). Political participation and grassroots mobilization in Malaysia. *Southeast Asian Affairs*, 37(2), 211-227.
- Sani, M. A. M., & Zengeni, K. T. (2010). Democratic transition and the prospects for freedom of expression in Malaysia. *Journal of Human Rights Practice*, 2(3), 411-429.
- Sekaran, U. & Bouge, R.. (2011). *Research methods for business: A skill building approach*. Wiley & Sons.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2011). *Research methods for business: A skill-building approach\** (5th ed.). Wiley.
- Sudin, M. N., Mat Jali, M. F. & Awang Besar, J. (2016). Tingkah laku pengundi Melayu terhadap UMNO di Negeri Kedah: Satu Tinjauan Awal. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 12(14), 79-85.
- Tajudin, A. S. (2018). Faktor-faktor yang mempengaruhi kepercayaan pengundi Melayu terhadap Barisan Nasional di Wilayah Utara Thesis PhD, Universiti Utara Malaysia.
- Tufte, Edward R. (1973). The Relationship between Seats and Votes in Two-Party Systems. *The American Political Science Review*, 67(2), 540-54.
- Weiss, M. L. (2019). *Electoral dynamics in Malaysia: Findings from the grassroots*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Welsh, B. (2018). The political tsunami of 2018: The end of UMNO's dominance in Malaysia. *Journal of Democracy*, 29(4), 5-19.
- Yahaya, I. H. (2014). *Negara Dalam Ancaman Demokrasi Citra. Dlm. Politik Citra di Malaysia: Antara Kebenaran Dan Kepalsuan*. Strategic Information and Research Development Centre. 8-9.
- Zaller, J. R. (1992). *The nature and origins of mass opinion*. Cambridge University Press.